

Rakyat tidak akan nikmati keamanan jika tugas polis

dicabul — PM
UM 6 DEC 1990

KUALA LUMPUR 5 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata malam ini bahawa rakyat tidak akan menikmati kehidupan yang aman jika tugas - tugas polis dicabuli dan tidak dihargai lagi.

Perdana Menteri berkata, adalah sesuatu yang amat menggerunkan jika rakyat mula mengambil undang - undang di tangan mereka sendiri dan bertindak berani ke atas anggota - anggota polis.

"Yang peliknya, kita tidak sedikitpun merasakan bahawa apa yang pernah berlaku di Terengganu suatu ketika dahulu di mana pasukan polis dikepung dan ditahan sebagai satu pencabulan ke atas tugas dan kuasa polis.

"Jika keadaan ini berterusan dan keyakinan untuk mendapat perlindungan daripada polis terhakis, kita tidak akan dapat hidup dalam aman lagi," kata Dato' Sri Dr. Mahathir di majlis makan malam Polis - Sebaran Am di Hotel Pan Pacific.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, sekarang ini sudah ada tanda - tanda tugas polis semakin terganggu kerana terlalu berhati - hati hanya kerana dibayangi oleh Peristiwa Memali.

Dalam peristiwa itu, katanya, rakyat sepatutnya faham mengapa polis terpaksa mengambil tindakan tegas ke atas pihak - pihak yang terlibat.

Katanya, polis yang

menjalankan tugas mereka menjaga keamanan negara telah diserang terlebih dahulu.

"Bagaimanapun, oleh kerana berlakunya apa yang dipanggil penyampaian maklumat yang kurang tepat kepada rakyat, akhirnya yang dipandang sebagai jahat ialah polis, kononnya tidak berperikemanusiaan dengan mengambil tindakan tanpa mengira nyawa manusia," tegasnya.

Kata beliau, andaian seumpama ini berlaku kerana peranan media massa untuk menyampaikan maklumat tidak sampai kepada matlamatnya.

Beliau berkata, di sinilah polis dan media massa perlu menyedari bahawa penyampaian maklumat yang tidak tepat bo-

leh menyebabkan rakyat terkeliru.

Lebih dari itu, kata Dato' Sri Dr. Mahathir ialah apabila perkara seperti ini sudah dipandang sebagai satu perkara biasa, penghargaan kepada keamanan dan kedamaian itu sendiri sudah tidak dihargai lagi.

"Malangnya kita cuma akan menghargai keamanan bila keamanan itu sendiri sudah tiada masalah seperti kita menghargai udara tatkala udara itu sendiri sudah tercemar untuk kita bernafas," tegasnya.

Beliau menyeru polis dan media massa mengenal dan bekerjasama dengan lebih erat kerana rakyat hanya dapat membuat penilaian mengenai pasukan polis melalui akhbar dan media massa.